



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**31 Mei 2024
22 Zulkaedah 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• APMM tahan 21 nelayan Vietnam, buat rampasan bernilai RM3.3j
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Maritim tahan nelayan Vietnam 'rompak' 7,000kg hasil laut tempatan • Jabatan Perikanan labuh 13 tukun tiruan bernilai RM400,000 bagi tujuan konservasi
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		25	31.5.2024

Maritim tahan nelayan Vietnam 'rompak' 7,000kg hasil laut tempatan

PASIR PUTEH - Pihak berkuasa terpaksa berdepan tindakan agresif nelayan asing ketika mempertahankan hasil laut negara daripada 'dirompak' dalam satu operasi khas di perairan negeri ini.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Kepten Erwan Shah Soahdi berkata, pihaknya berjaya menahan dua bot bersama 21 nelayan asing warga Vietnam berusia 16 hingga 67 tahun termasuk tekong.

Katanya, tindakan himpitan dan 'force boarding' berjaya merampas 7,000 kilogram (kg) hasil tangkapan ikan dalam operasi sekitar jam 10 pagi pada kedudukan kira-kira 130 batu nautika dari muara Tok Bali di sini pada Ahad.

"Kami turut merampas 2,500 liter diesel dan peralatan menangkap ikan, sistem navi-

gasi serta komunikasi dengan nilai keseluruhan dianggarkan berjumlah RM3.3 juta.

"Untuk kes ini, kami mengambil masa hampir 40 jam mengiringi semua bot ke jeti Maritim Malaysia untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat," katanya ketika sidang akhbar pada Khamis.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (C) Akta Perikanan 1985 dan Sesyen 16 (3) akta sama.

Ujar Erwan, pihaknya akan terus memerangi kes pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Dalam pada itu, Erwan berkata, bermula Januari hingga kini, pihaknya merampas 12 bot nelayan Vietnam yang menceroboh ke perairan negara.

"Nilai rampasan keseluruhan termasuk bot dan peralatan dianggarkan berjumlah RM15.4 juta," katanya.



Anggota Maritim Malaysia memeriksa bot nelayan asing Vietnam yang berjaya ditahan kerana mencoroboh perairan negara.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		25	31-5-2024

Jabatan Perikanan labuh 13 tukun tiruan bernilai RM400,000 bagi tujuan konservasi marin



Pekerja melakukan kerja melabuh tukun tiruan jenis kuboid juvenil penghalang pukut tunda di perairan Taman Laut Pulau Kapas, Marang.

MARANG - Jabatan Perikanan Malaysia melabuhkan 13 unit tukun tiruan jenis kuboid juvenil penghalang pukut tunda bagi tujuan konservasi bernilai RM400,000 di perairan Taman Laut Pulau Kapas di sini dan Pulau Redang di Kuala Nerus.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, sebanyak RM2.4 juta diperuntukkan tahun ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui projek kelestarian dan kesihatan sumber bagi pembangunan tukun tiruan konservasi di 12 lokasi membabitkan enam negeri selain Terengganu antaranya Kedah, Perak, Melaka, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Sebanyak 202 unit tukun tiruan berjaya dilabuhkan di 25 lokasi di seluruh

negara sejak 2021 hingga tahun lalu dengan jumlah peruntukan mencecah RM6.18 juta.

"Bagi tempoh 2021 hingga kini, sebanyak 46 unit tukun dilabuhkan di enam lokasi di negeri ini dengan peruntukan berjumlah RM1.35 juta," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut Adnan, tukun kuboid juvenil sesuai di perairan negara ini di mana dapat menyediakan habitat dan perlindungan kepada ikan bersaiz kecil serta membolehkan anak ikan di peringkat 'juvenile' berlindung daripada arus kuat.

"Kawasan pembiakan dan nurseri untuk ikan dan hidupan marin ini secara tidak langsung mewujudkan kawasan ekopelancongan untuk aktiviti rekreasi seperti selam skuba," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF	/	NEUTRAL		19	31.5.2024

APMM tahan 21 nelayan Vietnam, buat rampasan bernilai RM3.3j HM, MSF

Pasir Puteh: Tindakan 21 nelayan Vietnam yang cuba melarikan diri ke sempadan negara tidak berjaya apabila mereka ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan pada Ahad lalu.

Kesemua mereka yang berusia antara 16 hingga 67 tahun menaiki dua bot ditahan antara jam 10 pagi hingga jam 10.30 pagi di kedudukan lebih kurang 130 sehingga 140 batu nautika dari muara Tok Bali di sini, menerusi Op Damai, Op Naga Barat dan Op Tiris.

Pengarah APMM Kelantan Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, keseluruhan hasil tangkapan

dianggarkan seberat 7,000 kilogram.

Menurutnya, jumlah rampasan dianggarkan bernilai RM3.3 juta termasuk dua bot, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel sebanyak 2,500 liter.

"Ketika operasi, dua bot itu pada awalnya tidak memberikan kerjasama ketika diarahkan untuk berhenti, namun cuba melarikan diri ke sempadan perairan negara.

"Kapal ronda seterusnya bertindak memintas bot dan melakukan 'force boarding' untuk menghentikan bot berkenaan.

"Selepas pegawai dan anggota penguat kuasa

berjaya menaiki bot, suspek akhirnya mengalah dan akur untuk memberikan kerjasama.

"Pemeriksaan ke atas bot pertama mempunyai 17 kru termasuk tekong, manakala bot kedua mempunyai empat kru termasuk tekong," katanya pada sidang media di Pejabat APMM Malaysia Kelantan di Tok Bali, semalam.

Beliau berkata, kesemua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara dan akan disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) kerana gagal mempamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.